

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 9 Mei 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

MAC 2023

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 0.1 peratus pada Mac 2023

PUTRAJAYA, 9 Mei 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mac 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Memetik kepada laporan, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, "Pengeluaran getah asli menurun 0.1 peratus pada bulan Mac 2023 (27,188 tan metrik) berbanding pada bulan Februari 2023 (27,209 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan 10.8 peratus (Mac 2022: 24,549 tan metrik). Beliau menambah, pengeluaran getah asli Malaysia pada Mac 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.0%) berbanding sektor estet (12.0%).

Jumlah stok getah asli pada Mac 2023 meningkat 6.3 peratus kepada 203,372 tan metrik berbanding 191,296 tan metrik pada Februari 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 91.1 peratus diikuti kilang pengguna getah (8.8%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 45,789 tan metrik pada Mac 2023 menurun 5.4 peratus berbanding Februari 2023 (48,393 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 50.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mac 2023 diikuti Jerman (14.7%), Türkiye (4.2%), Pakistan (2.4%) dan Mesir (1.7%). Sebagai tambahan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.2 billion pada Mac 2023, meningkat 18.4 peratus berbanding Februari 2023 (RM0.9 billion)".

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 1.6 peratus (Mac 2023: 530.11 sen sekilogram; Februari 2023: 538.55 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun 1.2 peratus (Mac 2023: 468.68 sen sekilogram; Februari 2023: 474.50 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 1.5 peratus hingga 1.7 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) masing-masing menurun 3.1 peratus (daripada USD1.40/kg kepada USD1.36/kg) dan 2.3 peratus (daripada USD1.62/kg kepada USD1.58/kg).

Prestasi suku pertama 2023 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 7.2 peratus kepada 83,848 tan metrik berbanding 90,399 tan metrik pada suku keempat 2022. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku pertama 2023 pula mencatatkan penyusutan 17.0 peratus berbanding suku pertama 2022 (101,045 tan metrik).


Berdasarkan laporan *Malaysia Rubber Board Digest* pada Mac 2023, sentimen negatif pasaran getah Kuala Lumpur didorong oleh ketidakpastian dalam dasar monetori Amerika Syarikat serta krisis perbankan rantau Eropah. Selain itu, pasaran juga tertekan dengan kerugian dalam penanda aras bagi harga minyak mentah.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.



**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mac 2022 dan Februari - Mac 2023
(‘000 tan metrik)**



**Carta 2: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan
(‘000 tan metrik)**



**Carta 3: Import dan eksport bagi getah asli Mac 2022 dan Februari - Mac 2023
(‘000 tan metrik)**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
09 MEI 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 9th May 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA

MARCH 2023

Malaysia natural rubber production decreased by 0.1 per cent in March 2023

PUTRAJAYA, 9 May 2023 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, March 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "Natural Rubber (NR) production decreased by 0.1 per cent in March 2023 (27,188 tonnes) as compared to February 2023 (27,209 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 10.8 per cent (March 2022: 24,549 tonnes). He added, production of NR in March 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (88.0%) as compared to estates sector (12.0%).

Total stocks of NR in March 2023 increased by 6.3 per cent to 203,372 tonnes as compared to 191,296 tonnes in February 2023. Rubber processors factory contributed 91.1 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (8.8%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 45,789 tonnes in March 2023, decreased 5.4 per cent as against February 2023 (48,393 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 50.8 per cent of total exports in March 2023 followed by Germany (14.7%), Türkiye (4.2%), Pakistan (2.4%) and Egypt (1.7%). In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The exports performance was contributed

by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.2 billion in March 2023, an increase of 18.4 per cent as compared to February 2023 (RM0.9 billion)”.

Analysis of the average monthly price showed that Latex Concentrated recorded a decrease of 1.6 per cent (March 2023: 530.11 sen per kg; February 2023: 538.55 sen per kg) while Scrap decreased by 1.2 per cent (March 2023: 468.68 sen per kg; February 2023: 474.50 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 1.5 per cent to 1.7 per cent. The World Bank Commodity Price Data has reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 3.1 per cent (from USD1.40/kg to USD1.36/kg) and 2.3 per cent (from USD1.62/kg to USD1.58/kg), respectively.

The performance of the first quarter of 2023 showed natural rubber production decreased by 7.2 per cent to 83,848 tonnes as compared to 90,399 tonnes in the fourth quarter of 2022. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the first quarter of 2023 recorded a decrease of 17.0 per cent as compared to the 2022 (101,045 tonnes).

According to the Malaysia Rubber Board Digest in March 2023, the negative sentiment of Kuala Lumpur rubber market was dented by uncertainty in the United States of America monetary policy owing to renewed concerns over European banking crisis. Besides that, the market was also pressured by losses in benchmark crude oil prices.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber March 2022 and February - March 2023
(‘000 tonnes)






Chart 2: Natural Rubber Production Quarterly
(‘000 tonnes)



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber March 2022 and February - March 2023
('000 tonnes)**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
09 MAY 2023**